

Pengumuman penting MT esok

Oleh YUSRI SAHAT
dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 23 Jun -- Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan bermesyuarat Selasa ini untuk menentukan kedudukan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membuat satu pengumuman penting selepas mesyuarat tersebut.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub berkata, MT akan mengumumkan 'tolak ansur' yang dipersejujui dalam pertemuan antara anggota Jawatankuasa Pengurusan UMNO dan Dr. Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya, pagi ini.

Menceritakan pertemuan selama sejam itu kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, Dr. Mahathir tetap bertegas untuk melepaskan jawatan Presiden UMNO, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan semua jawatan dalam parti.

Alasan yang diberikan oleh Perdana Menteri kerana beliau telah terlalu lama berkhidmat iaitu 21 tahun dan mahu menghabiskan masa bersama keluarga dan cucu.

● PM akur MT tolak

peletakan jawatan — Muka 2

● Lagi reaksi — Muka 2 dan 4

Anggota jawatankuasa cuba memujuk Perdana Menteri menarik balik keputusannya dengan mengambil kira perasaan rakyat dan negara.

"Beliau nampaknya memahami harapan ahli parti dan rakyat yang mahukannya terus berkhidmat.

"Pada masa sama, Dr. Mahathir juga mahu rakyat dan ahli parti memahami perasaannya yang juga mahukan kebebasan sebagai rakyat biasa.

"Akhirnya berlaku 'tolak ansur' antara kami dengan Dr. Mahathir dan tolak ansur itu akan diumumkan oleh Timbalan Presiden UMNO Selasa ini," katanya.

Pertemuan di Seri Perdana hari ini diketuai oleh Abdullah, disertai tiga Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Turut serta Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob, Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Pertemuan itu dibuat atas mandat MT yang bermesyuarat malam tadi selepas menggesa Perdana Menteri menarik balik keputusannya meletakkan semua jawatan dalam parti.

Difahamkan, dalam pertemuan pagi ini, Dr. Mahathir telah memberikan nasihat kepada anggota jawatankuasa tersebut supaya terus mempertahankan hubungan baik sedia ada antara UMNO dan parti-parti komponen BN.

Perdana Menteri juga mahu parti mengekalkan sokongan kepada kepimpinan yang ada.

■ Lihat muka 11

Pengumuman penting MT esok

Petang semalam, Dr. Mahathir mence-
maskan seluruh negara apabila mem-
buat pengumuman mengejut semasa
menggulung perbahasan pada hari
terakhir Perhimpunan Agung parti
dengan meletakkan jawatan Presiden
UMNO, Pengerusi BN dan semua ja-
watan dalam parti.

Bagaimanapun, pengumuman itu
ditarik balik dalam masa satu jam
yang penuh mendebarkan setelah di-
pujuk oleh seluruh anggota MT dan

pekikan 'tarik balik' berulang kali
yang penuh emosi dan kesedihan para
perwakilan yang menggemuruhkan
Dewan Merdeka, PWTC.

Megat Junid berkata, sebaik sahaja
semua anggota jawatankuasa itu ber-
ada di Seri Perdana, Dr. Mahathir
terus menyuarakan hasratnya untuk
berhenti daripada parti dan kerajaan
dengan memberi sebab telah terlalu
lama bekerja.

Menurutnya, semua anggota mema-

hami hasrat Dr. Mahathir mahu ber-
sara tetapi "kita rasa bukan kita nak
tahan dia tapi janganlah tinggalkan
kita terkapai-kepai".

Beliau berkata, 'mood' Perdana Me-
nteri kelihatan baik masa itu dan
sedang bersiap-siap berkemas untuk
bercuti.

"Pertemuan berlangsung begitu
mesra umpama abang dan adik," je-
lasnya.

Ditanya mengapa usaha memujuk

Perdana Menteri terpaksa dibuat dua
kali selepas Dr. Mahathir menarik
balik keputusannya di PWTC sema-
lam, tegasnya:

"Kita masih ragu-ragu dengan ke-
putusannya semalam. Ahli-ahli MT
merasakan keputusan menarik balik
keputusannya semalam hanya untuk
meredakan suasana yang agak gawat.

"Kita merasakan keputusan Dr.
Mahathir itu hanya untuk semalam
dan bimbang Perdana Menteri mengu-
bah iikirannya hari ini."